

► **UNIVERSITI**

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP)

ditubuhkan bagi menerajui pembangunan modal insan dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi.

Bagi mencapai tujuan ini, empat produk teras telah ditetapkan iaitu Pengetahuan Teknikal, Kemahiran Teknikal, Soft Skills dan Kemahiran Keusahawanan.

Nisbah teori berbanding kemahiran praktikal yang ditawarkan di universiti ini ialah 60:40.

Di universiti ini, pelaksanaan konsep praktis diperkaya lagi dengan penerapan kaedah kilang pengajaran (teaching factory).

Ini bermakna, di samping latihan industri, para pelajar didedahkan juga cara menggunakan alat simulasi dan alat bantu mengajar. Konsep praktis ini diperkukuhkan lagi dengan kaedah pengajaran berpusatkan pelajar (student centered learning).

KONSEP DAN CIRI-CIRI UTAMA UMP

Kerajaan menubuhkan beberapa kolej universiti teknikal yang sepatutnya menawarkan program pengajian yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Berdasarkan ilmu yang praktis.
- Berteraskangunaan dan kemahiran (applied and skilled).
- Menitikberatkan komponen yang mengintegrasikan teori dan amali (teaching factory).
- Melibatkan pembelajaran secara aktif (experiential and action learning).
- Menekankan penyelesaian masalah teknikal di peringkat industri (task oriented and problem solving).
- Mengamalkan budaya kerja (work culture) cemerlang.